

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	02 JANUARY 2017

Terdesak guna agama demi jatuhkan kerajaan

BH - 2/1/2017



Ahmad Bashah memujuk murid Tahun Satu yang menangis di bawah meja ketika mengadakan lawatan di Sekolah Kebangsaan Mergong, semalam.

Alor Setar: Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr Mahathir Mohamad terdesak untuk menyerang kerajaan Barisan Nasional (BN) sehingga sanggup mempergunakan agama demi kepentingan peribadi.

Pengerusi BN Kedah yang juga Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah, berkata sebagai individu berpengalaman, tindakan Dr Mahathir itu amat mengejutkan, apatah lagi selaku bekas Perdana Menteri.

“Akhir-akhir ini, beliau suka menjatuhkan hukum seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) itu rasuah dan terbaru, selain haji tidak mabrur bagi individu yang menunaikan ibadat itu melalui Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

“Beliau memang terdesak guna agama untuk jatuhkan kerajaan.

Sesiapa pun yang menaja haji kita, kita cuma berdoa amal ibadat diterima Allah, bukan beliau tentukan. Tugas kerajaan bantu rakyat, BR1M antara bentuk bantuan, ada rakyat terima beras dan barang keperluan dapur, itu tidak dipanggil rasuah,” katanya.

Beliau selepas meninjau hari pertama sesi persekolahan 2017 di Sekolah Kebangsaan (SK) Mergong, di sini semalam.

Siap sedia hadapi banjir

Sementara itu, Ahmad Bashah berkata, Kedah bersiap sedia menghadapi banjir dengan mengenal pasti kawasan berisiko ekoran keadaan cuaca yang tidak menentu.

Katanya, agensi kerajaan yang terbabit dalam pengurusan bencana juga sudah diarah membuat persiapan dan berada dalam keadaan bersedia bagi menghadapi sebarang kemungkinan.